

16 JUL 2002

Mahathir-Pesawat/I (Bergambar)

MAHATHIR SAKSIKAN DEMONSTRASI PESAWAT CL-415MP BOMBADIER

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyaksikan satu demonstrasi misi menyelamatkan dan memadam kebakaran oleh pesawat Amfibia Pelbagai Guna CL-415 buatan Bombardier Aerospace di sini.

Demonstrasi 30 minit pesawat itu adalah sebahagian daripada cadangan syarikat yang beribu pejabat di Kanada itu untuk menjual beberapa pesawat CL-415MP itu bagi kegunaan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Demonstrasi hari ini, yang turut disaksikan oleh pegawai-pegawai lain kerajaan di tasik Mines Resort, terlewat hampir satu jam kerana pesawat itu mengalami masalah teknikal sebelum berlepas.

Tom Appleton, presiden Bombardier Aerospace bagi pesawat amfibia itu, memberi taklimat kepada Dr Mahathir mengenai pelbagai keupayaan pesawat itu termasuk kemampuannya untuk menceduk 6,000 liter air dalam masa 40 saat tanpa henti.

Turut hadir ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding dan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk M. Kayveas.

Pesawat itu juga menunjukkan kemudahkendalian di udara serta pendaratan pendek di tasik untuk menurunkan pegawai dan peralatan dalam misi Mencari dan Menyelamat (SAR).

Pesawat CL-415MP itu juga direka bentuk untuk mendarat di landasan tidak berturap yang penting semasa berlakunya bencana di kawasan pedalaman.

Selain misi memadam kebakaran dan SAR, pesawat itu juga dapat melaksanakan penguatkuasaan undang-undang maritim dan rondaan pantai kerana ia boleh dilengkapi pelbagai alat pengesan.

Pesawat Bombardier CL-415MP mempunyai masa mencari produktif tinggi selama empat jam pada radius tindakan 370 kilometer (200 batu nautika) miles) dan kelajuan 180 knot.

Pesawat itu berharga RM128 juta setiap satu termasuk pakej latihan dan setakat ini, sejumlah 56 pesawat itu telah ditempah oleh beberapa kerajaan asing.

-- BERNAMA

MHI AFY NAK